

# Kejatuhan berterusan yen boleh jejas ekonomi: PM

BH 12 JAN 2002

Oleh Kadir Dikoh dan Nor Liza Ahmad

MALAYSIA melahirkan kebingungannya terhadap kelemahan berterusan nilai yen kerana ia akan memberi tekanan kepada ekonomi negara dan serantau supaya menurunkan nilai mata wang masing-masing.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata penurunan berterusan nilai yen Jepun secara langsung akan membawa tekanan untuk negara menyemak semula tabung ringgit berbanding dolar Amerika.

"Saya bimbang jika ia (yen) terus jatuh, ia mungkin menyebabkan China menurunkan nilai mata wangnya dan jika China berbuat demikian ia akan memaksa kita memikirkan semula tabung ringgit kita," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita

selepas pelancaran Dewan Muda, portfolio baru Dewan Perdagangan dan Perniagaan Melayu Malaysia (DPPMM) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), semalam.

Turut hadir, Presiden DPMM, Datuk Seri Abdul Rahman Maidin yang juga Pengerusi Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB) dan Pengerusi Dewan Muda, Azlan Shah Jaffil.

Malaysia menetapkan ringgit pada 3.80 berbanding setiap dolar Amerika sejak negara menghadapi bahang krisis serantau, bagi mengekang serangan spekulatif terhadap mata wang tempatan itu.

Sementara itu, nilai yen Jepun menyusut sebanyak 10 peratus berbanding dolar Amerika dan ia kini dinantikan pada paras sekitar 132 yen bagi seunit mata wang

Jika yen terus jatuh, China mungkin menurunkan nilai mata wangnya dan menyebabkan Malaysia terpaksa menyemak semula tabung ringgit kepada dolar AS

utama dunia terbabit.

Ditanya apakah paras yang bakal menambahkan lagi kebimbangan beliau, Dr Perdana Menteri berkata: "Saya tak tahu. Mereka kata 140. Kita akan mengkajinya apabila ia tiba kepada paras 150."

Ditanya jika isu kejatuhan nilai yen dibincangkan dalam pertemuannya dengan Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi, kelmarin, Dr Mahathir berkata, perkara itu tidak dibangkitkan.

"Beliau tidak memberikan sebarang jaminan (nilai yen tidak akan jatuh lagi) tetapi

memberitahu Jepun akan akan cuba memastikan yen tidak akan mengalami penurunan lagi," katanya.

Kelmarin, bekas Naib Menteri Kewangan Bagi Hal Ehtwal Antarabangsa Jepun, Eisuke Sakakibara, dietik berkata yen mungkin turun kepada paras antara 150 hingga 160 haej satu dolar Amerika hujung tahun ini.

Dr Mahathir berkata, Koizumi ada menyatakan bahawa pada satu ketika, yen berada pada paras 250 bagi satu dolar dan oleh itu, pada paras pertukaran semasa,

yen kelihatan lebih kukuh.

"Saya berharap ia tidak bermakna Koizumi akan membiarkan nilai yen turun hingga ke paras 250 kerana ia sudah tentu akan mencetuskan banyak masalah kepada kita," katanya.

Sementara itu, ketika diminta mengulas mengenai bagaimana kerajaan akan membiayai program memulihkan Penerbangan Malaysia (MAS) yang membabitkan RM6.1 bilion, Dr Mahathir berkata, kerajaan boleh menerbitkan bon.

Sambil menyifatkan kerajaan mempunyai pelbagai sumber untuk memperoleh dana, beliau berkata, sokongan kedudukan penarafan kredit yang baik akan membolehkan kerajaan mendapat pembiayaan.

"Kita mempunyai pelbagai cara termasuk melupuskan aset dan membuat pinjaman

daripada pelbagai sumber untuk memperoleh dana," katanya.

MAS baru-baru ini mengemukakan pakej mendapatkan dana berjumlah RM6.1 bilion menerusi penjualan pajakan semula beberapa asetnya termasuk pesawat dan bangunan ibu pejabatnya di Kuala Lumpur.

Menerusi program berkenaan, MAS akan menjual pesawat dan beberapa aset termasuk pesawat dan bangunan kepada jentera tujuan khas (SPV) milik Menteri Kewangan Diperbadankan (MoF Inc).

Kerajaan pada tahun lalu mengambil alih MAS dan menyusun semula struktur organisasinya bagi menyelesaikan beban hutangnya berjumlah lebih RM8 bilion, sekali gus membolehkan syarikat penerbangan itu kembali mencatat untung.